

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 24 SEPTEMBER 2025

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA : 22

SURAT

Jimat lebih besar jika golongan kaya dikecualikan kelayakan



Penjimatan hanya 0.10 peratus daripada KDNK, tidak beri impak ketara terhadap defisit fiskal

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Kerajaan dijangka boleh menghasilkan penjimatan yang lebih besar jika isi rumah berpendapatan tinggi dikecualikan daripada kelayakan subsidi RON95, demikian penganalisis.

CIMB Treasury and Markets Research menjangkakan impak fiskal daripada pelaksanaan rasionalisasi subsidi RON95 dan Prinsip Budi Madani RON95 (BUDIMADANI) adalah kecil pada tahun ini.



sidi petrol dianggarkan sekitar RM8 bilion hingga RM9 bilion setahun berdasarkan andaian harga minyak sekitar AS\$65 setong hingga AS\$70 setong, manja penjimatan RM1 bilion hingga RM2 bilion setahun hasil pengecualian kenderaan asing.

Jelasnya, penjimatan itu hanya mewakili 0.05 hingga 0.10 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), sekali gus tidak memberi impak ketara terhadap sasaran defisit fiskal tahun ini iaitu 3.8 peratus daripada KDNK.

"Sensitiviti fiskal terhadap harga minyak kekal tinggi, dengan setiap 10 sen seliter per-binaan daripada harga (termasuk mekanisme 'Harga Automatik' (APM) memberi kesan sekitar RM1.7 bilion setahun kepada per-

"Justeru, ruang fiskal tambahan boleh dibuka jika isi rumah berpendapatan tinggi dikecualikan secara berperingkat daripada kelayakan pada 2026," katanya dalam satu nota penyelidikan.

Datuk Seri Anwar Ibrahim, kementerian mengumumkan bahawa rakyat Malaysia layak menggunakan petrol RON95 sebanyak 300 liter sebulan di bawah inisiatif BUDIMADANI.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan memutuskan semua warganegara yang mempunyai lesen memandu yang sah layak menerima subsidi RON95.

Pemandu e-hailing pula diberi kelayakan tambahan bagi memastikan kelangsungan pekerjaan.

Bermula 30 September ini, petrol RON95 ditetapkan pada harga RM1.99 seliter, manakala bagi bu-binaan daripada harga (termasuk mekanisme 'Harga Automatik' (APM) memberi kesan sekitar RM1.7 bilion setahun kepada per-

Sementara itu, dari segi kesan

kets Research menjangkakan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menggunakan pendekatan berwujudan volum dalam mengukur tingkat harga RON95 yang akan memberi kesan deflasi kecil terhadap Indeks Harga Pengguna (IHP).

Menurutnya, langkah sedemikian dilihat sebagai 'neutral-inflasi' secara meluas dengan rakyat Malaysia mendapat manfaat daripada penurunan harga dan konsisten dengan garis panduan Bank Negara Malaysia (BNM) bahawa pembaharuan domestik akan memberi kesan inflasi terhad.

Justeru, pihaknya mengunjurkan inflasi keseluruhan pada 1.5 peratus bagi 2025 dan 2.0 peratus pada 2026 yang menunjukkan penekanan kestabilan harga dan mengekalkan kadar sebenar dalam wilayah positif.

Ahli Ekonomi Kanan ASEAN OCBC, Lavanya Venkateswaran pula berkata, dengan mengambil kira sebahagian besar penduduk akan menikmati harga RON95

umnya, pihaknya tidak menjangkakan langkah itu akan menghasilkan penjimatan fiskal yang ketara pada 2025 atau 2026. Menurutnya, berdasarkan pengiraan pihaknya mencadangkan bahawa bil subsidi RON95 sebenarnya boleh meningkat sebanyak 0.1 peratus daripada KDNK untuk 2026 berdasarkan mekanisme semasa.

Walaupun bagaimanapun, katanya, akan ada pengimbang daripada bil subsidi yang lebih rendah bagi elektrik dan air.

Dari segi kesan kepada inflasi, beliau berkata, pengurangan harga RON95 dijangka mengurangkan inflasi tahunan sebanyak 0.1 mata peratusan.

"Purata inflasi keseluruhan pada 1.3 peratus tahun ke tahun dalam tempoh Januari hingga Julai 2025. Menuju ke depan, rasionalisasi subsidi air dijangka meningkatkan inflasi pada Ogos dan September, namun ini akan dilambangi oleh penurunan sebanyak 3.0 peratus bagi harga RON95 yang berkuat kuasa pada